

Syarat beli rumah kedua diteliti: PM

LANGKAWI, Ahad - Kerajaan menimbang kemungkinan membenarkan pencarum Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) mengeluarkan simpanan mereka untuk membeli rumah kedua, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pertimbangan itu bagaimanapun berdasarkan kepada latar belakang pemohon bagi memastikan pengeluaran caruman itu tidak disalahgunakan.

Menurutnya, kerajaan tidak boleh terus membenarkan pencarum membuat pengeluaran hanya semata-mata pemohon memenuhi syarat kelayakan.

"Langkah ini adalah untuk kebaikan mereka. Kita tidak boleh beri begitu saja kerana kita perlu tahu latar belakang (pencarum)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah Hotel Koperasi Usaha Bersatu (KUB) dan Sekolah Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR), di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas kekeliruan di kalangan pencarum KWSP berikutan pengu-

muan kerajaan membenarkan pengeluaran KWSP untuk membeli rumah sehingga 30 peratus daripada simpanan mereka.

Menurut Perdana Menteri, pertimbangan teliti perlu bagi memastikan pembeli menggunakan simpanan itu untuk membeli rumah dan bukan untuk tujuan lain.

Beliau berkata, ada pencarum yang membuktikan pengeluaran caruman mereka untuk membeli rumah tetapi menggunakannya untuk tujuan lain yang disifatkannya sebagai perbuatan tidak sihat.

Pengurus Perhubungan Awam KWSP, Tengku Roshani Embong, semalam berkata Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Sallehuddin Mohamed akan mengumumkan keputusan sama ada membenarkan pencarum mengeluarkan simpanan untuk membeli rumah kedua, minggu depan.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, KUB tidak lagi sesuai untuk bergerak sebagai koperasi, sebaliknya perlu bergiat sebagai syarikat supaya lebih cergas untuk memungut lebih banyak untung bagi faedah ahli.